

**ANALISIS RETORIK TERHADAP AYAT
MUTASHĀBIHĀT DALAM AL-QURAN**



NOR AIN BINTI MANAP

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

**ANALISIS RETORIK TERHADAP AYAT
MUTASHĀBIHĀT DALAM AL-QURAN**

NOR AIN BINTI MANAP



UMS

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
PENGAJIAN ISLAM**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 September 2016

.....
Nor Ain Binti Manap
PX20118067



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NOR AIN BINTI MANAP**
NO. MATRIK : **PX20118067**
TAJUK : **ANALISIS RETORIK TERHADAP AYAT *UTASHĀBIHĀT*
DALAM AL-QURAN**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)**
TARIKH VIVA : **19 JULAI 2016**

DISAHKAN OLEH;

1.  **PENYELIA**
Dr. Saini bin Awg. Damit Tandatangan

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, akhirnya tesis ini berjaya disiapkan sehingga ke mencapai matlamat.

Mengiringi perjalanan yang penuh onak duri, jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat suami Md Razi bin Salleh yang sentiasa berada di sisi dalam apa jua keadaan. Buat anak-anak syurga kami, tunggu ayah dan ibumu di sana walau kita tidak sempat bertemu di dunia serta alhamdulillah buat rezeki ketiga ini. Buat bonda yang sentiasa menjadi penasihat dan penyuntik semangat serta ayahanda yang menjadi tulang belakang dan nadi keluarga, jutaan terima kasih anakanda ungkapkan. Buat semua ahli keluarga terutama adik beradik dan seluruh keluarga mertua jutaan terima kasih kerana memahami beban yang digalas pada bahu ini.

Terima kasih buat sahabat-sahabat di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, yang tidak dapat disebutkan namanya satu persatu hanya Allah sahaja yang membalas jasa kalian. Semoga setiap perkongsian yang diberi menyemai benih di akhirat.

Jutaan terima kasih juga buat kenalan baru yang sudi menabur budi, Cikgu Mia, Fikri, Kak Hamidah, Iday, Bella, Izzul, Adah, Mei, Ijan, Syafiq, guru-guru SMAI Toh Puan Hajjah Rahmah, guru-guru SMAI Beaufort, sahabat-sahabat di UKM dan UM, pensyarah-pensyarah di USIM, *ukhuwah lillah* bersama Mashitah dan Asiah serta semua sahabat yang sudi meminjamkan masa dan telinga.

Ribuan terima kasih juga kepada Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Prof Madya Dr. Azlan Jualang serta timbalan-timbalan dekan yang menyokong tenaga pengajar terutamanya guru bahasa untuk melanjutkan pelajaran. Akhir sekali, *syukran jazilan khairan kathirā* kepada penyelia tesis Dr. Saini bin Ag Damit yang tidak pernah jemu membimbing sehingga berjaya. Semoga Allah sentiasa memberi hidayah, *inayah*, memberkati dan merahmati selalu.

Nor Ain Binti Manap
25 September 2016

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian ilmu retorik Arab yang mengetengahkan dua jenis gaya bahasa iaitu *tashbīh* (simile) dan *isti'arah* (metafora) daripada cabang ilmu *Bayān* di dalam al-Quran. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis data atau tekstual secara keseluruhannya. Kajian ini menganalisis kedua-dua gaya bahasa dalam ayat *mutashābihāt* atau ayat samar daripada empat buah surah *Sab'u Ṭiwāl* (surah-surah panjang) iaitu surah *al-Baqarah*, *Āli-'Imrān*, *al-Nisā'* dan *al-An'ām*. Penulis telah menggunakan beberapa buah kitab tafsir dan ilmu *balāghah* untuk dijadikan bahan rujukan. Pelbagai pendapat ulama juga diambil kira agar objektif kajian ini dapat dicapai. Al-Quran tidak dapat dipisahkan daripada kedua-dua elemen gaya bahasa ini, yang mempunyai rukun yang tersendiri dalam pembinaannya. *Tashbīh* terdiri daripada empat rukun iaitu *mushabbah*, *mushabbah bih*, *adāh tashbīh* dan *wajh shabah*. Manakala *isti'arah* pula terdiri daripada tiga rukun iaitu *musta'ār*, *musta'ār lah* dan *musta'ār minh*. Kedua-duanya mempunyai jenis yang berbeza mengikut keadaan dan kewujudan rukun-rukunnya. Kajian ini juga memperlihatkan lagi kemukjizatan gaya bahasa al-Quran dan maknanya yang tersirat selain daripada makna yang tersurat. Analisis menunjukkan terdapat banyak gaya bahasa *tashbīh* dan *isti'arah* dalam ayat *mutashābihāt* pada keempat-empat buah surah terutamanya di dalam surah *al-Baqarah*, *Āli-'Imrān* dan *al-An'ām*. Antara jenis *tashbīh* yang banyak digunakan adalah *Tashbīh Mursal Mufaṣṣal* dan *Mursal Mujmal*, manakala jenis *isti'arah* pula adalah *Isti'arah Taṣrihiyyah Tab'iyyah* dan *Isti'arah Taṣrihiyyah*.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

ANALISIS RETORIK TERHADAP AYAT MUTASHĀBIHĀT DALAM AL-QURAN

This study is a study of Arab rhetoric that highlights two types of speech, tashbīh (simile) and isti'arah (metaphorical) of the branch of Bayān in the Quran. This study is a qualitative study using overall data or textual analysis method. The study analyzes both the style language in paragraph allegorical or vague sentences of four Sab'a Ngiwal surah (long chapters) of surah al-Baqarah, Āli-'Imrān, al-Nisā' and al-An'ām. The author has used a number of tafsir and the science of balāghah as a reference. Various opinions of scholars also taken into consideration so that the objectives can be achieved. Al-Quran is inseparable from the two elements of this style, which has its own rule in its construction. Tashbīh consists of four pillars, namely mushabbah, mushabbah bih, adāh tashbīh and wajah shabah. Whereas isti'arah consists of three pillars, namely musta'ār, musta'ār lah and musta'ār minh. Both have different types according to the situation and the existence of the pillars. The study also shows more stylistic miracle of the Quran and its meaning is implied than explicit meaning. The analysis shows that there are a lot of style in isti'arah and tashbīh in allegorical verses in the four chapters particularly in surah al-Baqarah, Āli-'Imrān and al-An'ām. Among the many types of tashbīh used are Tashbīh Mursal Mufaṣṣal and Mursal Mujmal, while isti'arah was Isti'arah Taṣrihiyyah Tab'iyyah and Isti'arah Taṣrihiyyah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
TRANSLITERASI	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Metodologi Kajian	7
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.7 Pembahagian Bab Dalam Tesis	9
1.8 Kajian Literatur	11
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Kepentingan Kajian	20
1.11 Definisi Tajuk	21
1.11.1 Analisis	21
1.11.2 Retorik	21
1.11.3 Terhadap	22
1.11.4 Ayat	22
1.11.5 <i>Mutashābihāt</i>	22

1.11.6	Dalam	22
1.11.7	Al-Quran	23
1.12	Kesimpulan	23

BAB 2: AYAT *MUTASHĀBIHĀT* DALAM AL-QURAN

2.1	Pengenalan	25
2.2	Al-Quran Al-Karim	25
2.2.1	Pembahagian Al-Quran Kepada Ayat <i>Muḥkamāt</i> dan <i>Mutashābihāt</i>	40
2.3	<i>Mutashābihāt</i>	42
2.3.1	Konsep Ayat <i>Mutashābihāt</i>	48
2.3.2	Jenis-Jenis Ayat <i>Mutashābihāt</i>	50
2.3.3	Pandangan Ulama Tentang Ayat <i>Mutashābihāt</i>	55
2.3.4	Hukum Beramal Dengan Ayat <i>Mutashābihāt</i>	57
2.3.5	Fungsi Ayat <i>Mutashābihāt</i> dalam Al-Quran	58
2.3.6	Contoh Ayat <i>Mutashābihāt</i>	61
2.4	Kesimpulan	65

BAB 3: ILMU *BALĀGHAH*: *TASHBĪH* DAN *ISTI'ĀRAH*

3.1	Pengenalan	67
3.2	Bahasa dan Ilmu <i>Balāghah</i>	67
3.3	<i>Tashbīh</i>	72
3.3.1	Definisi <i>Tashbīh</i>	72
3.3.2	<i>Rukun Tashbīh</i>	76
3.3.3	Bahagian <i>Mushabbah</i> dan <i>Mushabbah Bih</i>	79
3.3.4	Bahagian-Bahagian <i>Tashbīh</i>	83
3.3.5	Tujuan <i>Tashbīh</i>	90
3.4	<i>Isti'ārah</i>	93
3.4.1	Definisi <i>Isti'ārah</i>	94
3.4.2	Rukun <i>Isti'ārah</i>	96
3.4.3	Bahagian-Bahagian <i>Isti'ārah</i>	99
3.4.4	Tujuan <i>Isti'ārah</i>	105
3.5	Perbezaan antara <i>Tashbīh</i> dan <i>Isti'ārah</i>	106

3.6	Kesimpulan	106
-----	------------	-----

BAB 4: AYAT *MUTASHĀBIHĀT* DALAM EMPAT BUAH SURAH


***SAB'U ṬIWĀL* AL-QURAN**

4.1	Pengenalan	108
4.2	Surah <i>Sab'u Ṭiwāl</i> Dalam Al-Quran	108
4.3	Empat Buah Surah Pilihan	109
4.3.1	Surah <i>Al-Baqarah</i>	109
4.3.2	Surah <i>Āli 'Imrān</i>	113
4.3.3	Surah <i>Al-Nisā'</i>	116
4.3.4	Surah <i>Al-An'Ām</i>	118
4.4	Sebab Pemilihan Empat Buah Surah	122
4.5	Ayat <i>Mutashābihāt</i> dalam Empat Buah Surah <i>Sab'u Ṭiwāl</i>	124
4.5.1	Klasifikasi Ayat <i>Mutashābihāt</i> Mengikut Tema	136
4.6	<i>Tashbīh</i> dan <i>Isti'ārah</i> dalam Ayat <i>Mutashābihāt</i>	143
4.7	Kesimpulan	146

BAB 5: ANALISIS *TASHBĪH* DAN *ISTI'ĀRAH* DALAM AYAT *MUTASHĀBIHĀT*

5.1	Pengenalan	147
5.2	Analisis <i>Tashbīh</i> dan <i>Isti'ārah</i> dalam Ayat <i>Mutashābihāt</i>	147
5.3	Analisis <i>Tashbīh</i> dalam Ayat <i>Mutashābihāt</i>	149
5.3.1	Analisis <i>Tashbīh</i> dalam Surah <i>Al-Baqarah</i>	149
5.3.2	Analisis <i>Tashbīh</i> dalam Surah <i>Āli-'Imrān</i>	170
5.3.3	Analisis <i>Tashbīh</i> dalam Surah <i>Al-Nisā'</i>	184
5.3.4	Analisis <i>Tashbīh</i> Dalam Surah <i>Al-An'Ām</i>	187
5.4	Analisis <i>Isti'ārah</i> dalam Ayat <i>Mutashābihāt</i>	205
5.4.1	<i>Isti'ārah</i> dalam surah <i>al-Baqarah</i>	205
5.4.2	Analisis <i>isti'ārah</i> dalam surah <i>Āli-'Imrān</i>	220
5.4.3	Analisis <i>Isti'ārah</i> dalam Surah <i>Al-Nisā'</i>	224
5.4.4	Analisis <i>Isti'ārah</i> dalam Surah <i>Al-An'ām</i>	226
5.5	Kekerapan dan Jenis <i>Tashbīh</i> serta <i>Istiarah</i> dalam Ayat	229

<i>Mutashābihāt</i>	
5.6 Kesimpulan	231
BAB 6 : PENUTUP	
6.1 Pengenalan	232
6.2 Rumusan	232
6.3 Cadangan	238
6.4 Kesimpulan	239
RUJUKAN	241
GLOSARI	252



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Perbezaan antara <i>tashbīh</i> dan <i>tamthīl</i> mengikut ‘Abd al-Qāhir al-Jurjāniy	74
Jadual 3.2: <i>Adāh tashbīh</i>	79
Jadual 3.3: Sepuluh jenis <i>tashbīh</i>	84
Jadual 3.4: <i>Isti’ārah</i> dan rukunnya	97
Jadual 3.5: Lapan jenis <i>isti’ārah</i>	99
Jadual 4.1: Kategori surah-surah pilihan daripada surah <i>Sab’u Ṭiwāl</i> dan bilangan ayat	121
Jadual 4.2: Ayat <i>mutashābihāt</i> dalam empat buah surah <i>Sab’u Ṭiwāl</i>	125
Jadual 4.3: Peratusan ayat <i>mutashābihāt</i> dalam empat buah surah <i>Sab’u Ṭiwāl</i>	136
Jadual 4.4: Klasifikasi ayat <i>mutashābihāt</i> mengikut tema	138
Jadual 4.5: Jumlah <i>tashbīh</i> dan <i>isti’ārah</i> dalam ayat <i>mutashābihāt</i>	145
Jadual 5.1: <i>Tashbīh</i> dan <i>isti’ārah</i> dalam ayat <i>mutashābihāt</i>	148
Jadual 5.2: Kekekapan dan jenis <i>tashbīh</i> serta <i>isti’ārah</i> dalam empat buah surah	230
Jadual 5.3: Kekekapan dan jenis <i>tashbīh</i> serta <i>isti’arah</i> dalam peratusan	231

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian	8



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

S2	-	Surah <i>al-Baqarah</i>
S3	-	Surah <i>Āli-'Imrān</i>
S4	-	Surah <i>al-Nisā'</i>
S6	-	Surah <i>al-An'am</i> .
a.s	-	' <i>Alayhi al-salam</i>
AJ	-	'Abd al-Jabbār bin Aḥmad al-Hamdḥāniy
AM	-	Ayat <i>mutashābihāt</i>
BQ	-	Bāqillāniy
H	-	Hijriyyah
IA	-	Ibn 'Arabiy
IK	-	Ibn Kathīr al-Dimashqiy
M	-	Masihi
NS	-	Nasafiy
OUM	-	Universiti Terbuka Malaysia
r.a	-	<i>Raḍia Allahu 'anhu / Raḍia Allahu 'anha</i>
SAW	-	<i>Ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam</i>
SQ	-	Sayyid Qutb
SWT	-	<i>Subḥānahū wa Ta'ālā</i>
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UIN	-	Universiti Islam Malang, Indonesia
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
UNESCO	-	<i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organization</i>
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
USIM	-	Universiti Sains Islam Malaysia
ZS	-	Zamakhsyariy
(m)	-	Tahun Meninggal

TRANSLITERASI

Huruf Rumi

Huruf Arab


a
b
t
th
j
h
kh
d
dh
r
z
s
sh
s
d
t
z
,
gh
f
q
k
l
m
n
w
h
,

ا
ب
ت
ث
ج
ح
خ
د
ذ
ر
ز
س
ش
ص
ض
ط
ظ
ق
ك
ل
م
ن
و
ه
ة



y	ي
ah/at	ة
ā	اَ
ī	اِ
ū	اُ

Sumber: Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan satu sistem isyarat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Allah SWT telah mencipta pelbagai bahasa di dunia agar manusia saling berinteraksi dan kenal mengenali di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian bahasa yang telah hilang keasliannya dan sesetengah yang lain pula telah pupus sama sekali serta tidak digunakan lagi oleh masyarakat pengamalinya pada masa kini.

Bahasa Arab pula adalah antara bahasa tertua serta berada dalam kedudukan kelima sebagai bahasa yang paling banyak digunakan di dunia. Selain digunakan sebagai bahasa al-Quran, ia juga adalah bahasa hadis Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan kepada seluruh umat Islam. Menurut kajian *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada tahun 2012, antara bahasa yang paling banyak dituturkan oleh penutur asal dan digunakan sebagai bahasa kedua di dunia adalah bahasa Mandarin, Inggeris, Sepanyol, Hindi, Arab, Benggali, Rusia, Portugal, Jepun, German dan Perancis. Bahasa Arab telah digunapakai oleh 22 negara-negara UNESCO, mempunyai 422 milion penutur di seluruh dunia dan digunakan oleh 1.5 juta umat Islam. Bahasa Arab juga menjadi bahasa ilmu dan penulisan, serta banyak kajian mengenai ilmu terdahulu ditulis dalam bahasa Arab kemudian diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa lain di dunia.

Saini Ag. Damit (2010: 1) menyatakan, bahasa Arab telah berjaya meletakkan dirinya sebagai satu bahasa yang diiktiraf oleh dunia antarabangsa selari dengan kemajuan dan pembangunan Islam pada masa kini, walau bagaimanapun pada keseluruhannya kedudukan bahasa Arab belum lagi mencapai tahap penguasaan bahasa Inggeris khususnya dalam konteks perhubungan antarabangsa.

Mustafa Daud (1996: 26) mengatakan, bahasa Arab mempunyai ciri-ciri dan kekuatan untuk menjadi bahasa yang merakamkan wahyu Allah SWT yang terakhir, menyempurnakan syariat dan memansuhkan semua wahyu atau kitab sebelumnya. Bahasa Arab bukan sahaja mengabadikan semua ajaran akidah, syarak dan akhlak Islam malah digunakan bacaan dalam ibadah sembahyang sebagai alat untuk beribadat kepada Allah.

Bahasa Arab juga merupakan bahasa yang terdapat di dalam kalam Allah SWT iaitu al-Quran al-Karim. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, nabi terakhir bagi seluruh umat Islam sebagai tanda kerasulannya. Ianya telah dihimpunkan di dalam sebuah kitab yang diberi nama Kitab Al-Quran dan menjadi panduan kepada seluruh umat Islam di dunia. Ia tidak mampu ditiru oleh sesiapa pun dan akan sentiasa terpelihara sehingga ke hari kiamat. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al-Quran pada surah *al-Hijr* ayat 9.

Ahmad Bachmid (2008: 10) dan Sulaiman Nordin (1995: 55) menyatakan Kitab al-Quran terdiri daripada ribuan ayat iaitu sebanyak 6216 ayat, 114 surah dan 30 juzuk. Al-Quran *Rasm 'Uthmāniy* disusun bermula dengan surah *al-Fātiḥah* pada juzuk pertama dan diakhiri dengan surah *al-Iklāṣ* pada juzuk ketiga puluh. Ia juga terbahagi kepada beberapa kelompok surah yang dinamakan surah *al-Tiwāl*, *al-Mi'īn*, *al-Mathānī* dan *al-Mufaṣṣal* (Muḥammad Rifa'at Sa'id, 2002: 64). Kelompok surah ini dibahagikan mengikut bilangan setiap ayatnya.

Ayat-ayat al-Quran pula terdiri daripada ayat yang jelas dan ayat samar. Şubḥiy Şāliḥ (1978: 360) menjelaskan, al-Quran diturunkan dengan ayat-ayat *muḥkam* iaitu bererti ketinggian mutu ciptaan dan keindahan susunannya, tidak terdapat sedikit pun cacat cela pada lafaz dan makna yang terkandung di dalamnya. Namun, semua ayat al-Quran juga dianggap *mutashābihāt* sekiranya difahamkan lafaz *mutashābihāt* itu dengan makna "persamaan seluruh ayat al-Quran dari segi *ilmu retorik Arab* dan amat susah untuk dibandingkan antara bahagian-bahagiannya" yang bermaksud samar dan kurang jelas. Contohnya terdapat pada ayat 1 surah *Hūd*, yang mengatakan keseluruhan ayat al-Quran adalah *muḥkam* iaitu jelas sebagaimana berikut:

الرَّ كِتَابٌ أَحْكَمْتُ آيَاتُهُ وَتَمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۱

Maksudnya:

Alif, lām, ra. Al-Quran sebuah kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuannya. (Surah *Hūd*: 1)

Sementara itu, terdapat bukti ayat al-Quran lain yang diturunkan menunjukkan keseluruhannya adalah *mutashābihāt* iaitu samar-samar, seperti berikut:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِي تَقْشَعْرُ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ

وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهُ يَهْدِي بِهِ ۚ مَنْ يَشَاءْ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ۚ

Maksudnya:

Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara) yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram, kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab suci itulah hidayah petunjuk Allah, Allah memberi hidayah petunjuk dengan al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendaknya (menurut undang-undang peraturannya) dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya. (Surah *al-Zumar*: 23)

Antara tanda kemukjizatan al-Quran adalah penyusunan huruf-hurufnya sangat sepadan, gaya bahasa yang terkandung di dalamnya begitu indah, menarik, harmonis dan memukau para pendengarnya. Manakala dari segi pemilihan kata pula,

ayat-ayatnya, rima dan iramanya juga mempunyai keindahan makna yang unik dan tersendiri.

Badrul Munir Muhammad Nur (2005: 21) menegaskan bahawa, gaya bahasa al-Quran merupakan gaya bahasa yang paling luhur dan agung, sesuai dengan sumbernya iaitu Allah SWT. Keindahannya melebihi gaya bahasa manusia biasa kerana ia diturunkan sebagai mukjizat untuk menundukkan tokoh-tokoh Arab buat selama-lamanya.

Al-Quran memiliki pelbagai gaya bahasa yang cukup indah. Semua gaya bahasa ini mempunyai maksud yang tersurat dan tersirat, sehingga tiada satu makhluk pun di dunia ini yang mampu meniru gaya bahasa tersebut. Ahmad Bachmid (2008: 35) mengatakan, keindahan gaya bahasa ini memerlukan kepada penelitian dan pemahaman yang mendalam untuk mengetahui maksudnya yang sebenar, sehinggakan para ahli *ilmu retorik Arab* dan para penyair (dari zaman lampau) telah mengekspresikan kekaguman mereka ketika menilai ayat-ayat Al-Quran.

Sayyid Ahmad al-Hāshimiy (1999: 225-236) menjelaskan, antara gaya bahasa yang terkandung di dalam al-Quran adalah seperti gaya bahasa *al-Kināyah* (bahasa kiasan), *al-Tashbīh* (perumpamaan atau perbandingan), *al-Isti'ārah* (bahasa pinjaman), *al-Majāz* (ungkapan yang tidak mengikut makna asal), *al-Ḥaqīqah* (ungkapan yang mengikut makna asal), *al-Muḥsanāt al-Lafziyyah* (memperindahkan lafaz), *al-Muḥsanāt al-Ma'nawiyyah* (mencantikkan makna) dan banyak lagi.

Usaha yang berterusan amat diperlukan untuk mengkaji lebih banyak lagi ayat *mutashābihāt* iaitu ayat samar di dalam al-Quran serta kaitannya dengan ilmu retorik Arab demi kemaslahatan sejagat. Kajian sebegini akan memperlihatkan banyak lagi keistimewaan dan kemukjizatan al-Quran, membuktikan betapa unggulnya kitab al-Quran, meningkatkan keimanan, mengelakkan pertentangan pendapat yang pelbagai dan ditakuti membawa kepada terpesongnya akidah.

1.2 Pernyataan Permasalahan

Daripada beberapa penelitian yang telah dilakukan, penulis mendapati masih kurang kajian mengenai ayat *mutashābihāt* daripada al-Quran dilakukan dalam konteks perkaitannya dengan ilmu retorik Arab serta cabangnya seperti ilmu *Bayān*, terutamanya *tashbīh* dan *isti'ārah*. Beberapa kajian lepas yang telah dilakukan lebih menjurus kepada kajian ilmu retorik Arab dalam syair Arab atau daripada hadis Nabi Muhammad SAW. Terdapat juga kajian yang menganalisis ayat *mutashābihāt* daripada tafsir al-Quran ataupun mengikut pandangan ulama sahaja. Bahasa Arab yang digunakan dalam wahyu Allah SWT pula, berbeza dengan bahasa Arab pertuturan seharian dan memerlukan penterjemahan yang teliti mengikut kajian ilmu bahasa Arab yang tertentu. Rentetan itu, penulis berusaha untuk menambah dan memperbanyakkan lagi kajian mengenai ilmu retorik Arab dan ayat-ayat *mutashābihāt* di dalam al-Quran kerana al-Quran itu bukan sekadar menjadi bahan bacaan untuk mengumpul pahala bahkan sebagai kajian ilmiah yang dapat meningkatkan keimanan umat sejagat.

Kajian ini penting untuk menambah bahan rujukan pengajaran dan pembelajaran mengenai ilmu retorik Arab atau *balāghah* dan '*Ulūm* al-Quran dalam bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah menengah mahu pun universiti awam dan swasta. Ini kerana terdapat begitu banyak kekurangan untuk mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan untuk kegunaan pelajar dan guru yang ditulis dalam bahasa Melayu hingga menyebabkan kedua-dua pihak ini merasa sukar untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran bersama.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk menambah bahan bacaan yang berkaitan dengan ilmu retorik Arab atau *balāghah* dan '*Ulūm* al-Quran yang mesra kepada pelbagai lapisan masyarakat Malaysia agar lebih mudah difahami dan diteliti dengan lebih mendalam, kerana kebanyakan bahan bacaan yang berkaitan dengan kedua-dua disiplin ilmu ini adalah dalam bahasa Arab sedangkan bahasa rasmi negara kita adalah bahasa Malaysia.

Melalui bacaan kajian literatur pula, penulis mendapati belum ramai pengkaji sebelum ini yang mengkaji ayat *mutashābihāt* dengan memfokuskan kepada surah tertentu di dalam al-Quran. Dengan kesedaran inilah, yang mendorong penulis untuk mengkaji ayat *mutashābihāt* yang terdapat di dalam al-Quran berfokus kepada empat buah surah sahaja iaitu surah *al-Baqarah*, *Āli ‘Imrān*, *al-Nisā’* dan *al-An‘ām*, daripada kelompok surah yang dikategorikan sebagai surah *Sab‘u Ṭiwāl* yang bermaksud surah-surah panjang. Kelompok surah *Sab‘u Ṭiwāl* yang bermaksud tujuh buah surah terpanjang ini, terdiri daripada surah-surah awal yang terpanjang di dalam al-Quran mengikut *Rasm ‘Uthmāniy*. Selain empat buah surah di atas, termasuk di dalam kelompok ini adalah surah *al-Mā‘idah*, *al-A‘rāf* dan *al-Tawbah* (Ibn Kathīr, t.th: 42).

Penulis juga menyedari tidak semua umat Islam di Malaysia dan khususnya di Sabah, mengetahui makna sebenar ayat *mutashābihāt* di dalam al-Quran. Hal ini dapat dilihat terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai asas ataupun hanya mempunyai asas yang sedikit dalam pembelajaran ilmu bahasa Arab dan tafsir al-Quran. Sama seperti bahasa Melayu ataupun bahasa lain di dunia, setiap gaya bahasa yang dilontarkan mempunyai maknanya yang tersirat selain makna tersurat. Keinginan ini membuak-buak dalam diri penulis untuk menjelaskan makna ayat *mutashābihāt* yang terdapat di dalam al-Quran khususnya di dalam empat buah surah ini, melalui analisis ilmu retorik Arab serta mengikut beberapa pandangan tokoh yang masyhur.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mensasarkan kepada tiga objektif utama iaitu:

- a. Mengkaji *balāghah* iaitu *tashbīh* dan *isti‘ārah*.
- b. Mengenal pasti ayat *mutashābihāt* yang terdapat di dalam empat buah surah *Sab‘u Ṭiwāl*.
- c. Menganalisis ayat-ayat *mutashābihāt* di dalam empat buah surah *Sab‘u Ṭiwāl* melalui analisis ilmu retorik Arab atau *balāghah* iaitu *tashbīh* dan *isti‘ārah*.

1.4 Soalan Kajian

Berikut merupakan soalan kajian yang dibina berdasarkan objektif kajian:

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu retorik Arab iaitu *tashbīh* dan *Isti'ārah*?
- b. Apakah ayat-ayat *mutashābihāt* yang terdapat di dalam empat buah surah *Sab'u Ṭiwā*?
- c. Bagaimanakah keadaan ayat *mutashābihāt* yang dikategorikan kepada ilmu retorik Arab iaitu *tashbīh* dan *isti'ārah*?

Persoalan inilah yang menarik penulis untuk mengkaji dengan lebih dalam lagi dan mempersembahkan keistimewaan mukjizat wahyu Allah SWT.

1.5 Metodologi Kajian

Semua kajian bidang ilmu sama ada sastera atau sains tidak akan dapat dibuktikan hasil kajiannya dengan tepat dan teliti tanpa metodologi bidang kajian yang komprehensif.


Untuk mendapatkan hasil yang tepat daripada kajian ini, penulis memerlukan kepada metodologi kajian dan kaedah yang spesifik. Bagi menyiapkan kajian ini hingga mendapat hasil yang menepati objektif, penulis menggunakan kajian kepustakaan atau dokumentasi kerana keseluruhan kajian menggunakan kaedah analisis data.

Shamsul Amri Baharuddin (2000: 15) menyatakan bahawa metodologi membawa maksud dari dua segi, iaitu dari segi abstrak dan empirikal. Dari segi abstrak, metodologi boleh diuraikan sebagai cara menyiasat dan memperoleh pengetahuan mengenai dunia sosial. Manakala dari segi empirikal, metodologi melibatkan cara mencari dan mengumpul maklumat mengenai dunia sosial yang sama.

Oleh kerana keseluruhan kajian ini adalah kajian kepustakaan, ia menggunakan kaedah analisis data atau tekstual dengan mengumpul dan mengkaji data primer berfokus kepada ayat-ayat *mutashābihāt* di dalam empat buah surah *Sab‘u Ṭiwāl* al-Quran berdasarkan kepada al-Quran al-Karim *Rasm ‘Uthmāniy*, cetakan ketiga, tahun 2006, terbitan Percetakan Al-Ma‘ārif Sdn Bhd, Pulau Pinang, Malaysia. Manakala data sekunder pula diperoleh daripada pelbagai sumber maklumat di perpustakaan universiti dan perpustakaan umum di Malaysia dengan mendapatkan dan menganalisis data daripada tujuh buah kitab tafsir al-Quran dan kitab *turāth*, serta buku-buku ilmu retorik Arab yang lama dan terkini.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini tidak akan dapat dilakukan sekiranya tidak mempunyai satu kerangka konseptual yang jelas untuk mencapai objektifnya. Berikut merupakan kerangka konseptual yang dilakukan oleh penulis agar mendapatkan hasil yang tepat dan mencapai matlamat.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian.

Kajian ini keseluruhannya menggunakan ayat al-Quran daripada empat buah surah terpanjang sebagaimana yang telah dijelaskan dalam metodologi kajian. Ayat-ayat ini akan dianalisis menggunakan kaedah *tahlīliyy* untuk mendapatkan jumlah sebenar ayat *mutashābihāt* mengikut pendapat tujuh orang mufasir dan tujuh buah kitab mereka yang berlainan.